

SULTAN SERU MAJLIS BERCHERMAT

BANDAR BRUNEI—Duli Yang Maha Mulia telah mengingati ahli2 Majlis Meshuarat Negeri bahawa kema'moran negeri pada masa hadapan mungkin terancam jika ahli2 majlis itu tidak mengambil berat dan kurang chermat.

Uchapan itu telah di-titahkan dalam pembukaan Majlis yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini sa-malam dan hari ini kerana membincangkan anggaran belanjawan tahun hadapan.

Duli Yang Maha Mulia telah bertitah:

"Manakala beberapa buah negeri berkekurangan wang, kita mempunyai wang yang berlebihan dan manakala pendapatan penduduk di-negeri2 lain dikenakan chukai, kita memberi pinjaman2 kemajuan dan lain2 lagi untuk membantu ra'ayat supaya mendapat lebih kesenangan.

"Sa-balek-nya kema'moran negeri pada masa sekarang boleh menjadi merbahaya kerana keadaan ini mungkin menjadikan kita tiada mengambil berat dan

tidak di-jaga dengan chermat.

"Hasil yang di-dapati dari pengeluaran minyak itu telah berkekurangan dari sa-masa kasamasa semenjak beberapa tahun yang lalu dan sa-benar-nya anggaran belanjawan bagi tahun 1960 menunjukkan lagi kekurangan sa-banyak \$4 juta dari tahun 1959.

Duli Yang Maha Mulia seterusnya menggesa ahli2 majlis supaya menumpahkan fikiran dan tenaga mereka ka-araf jalan pembenaan yang berfaedah untuk kemajuan ekonomi, bangsa dan negara.

Langkah itu akan membawa kema'moran dan menjauhkan ra'ayat dari penderitaan hidup.

"Dengan jalan yang demikian keturunan2 kita yang akan datang tidak-lah dapat menyalahkan bahawa kita yang bertanggung jawab pada hari ini kurang chermat," kata baginda.

Duli Yang Maha Mulia sekali lagi telah berikrar bahawa pilihan raya akan di-adakan di-negeri ini sa-baik sahaja Undang2 Kebangsaan bagi Negeri Brunei telah di-luluskan.

Undang2 itu akan menentukan siapa yang menjadi bangsa Brunei dan mereka yang berhak menjadi bangsa Brunei.

"Dan undang2 ini ada-lah perlu di-buat sa-belum di-adakan pilihan raya di-negeri ini. Undang2 berkenaan dengan perjalanan pilihan raya itu sendiri akan di-buat juga supaya kita dapat bersiap bagi pilihan2 raya Majlis Meshuarat Daerah dalam tahun 1961," kata baginda.

Sa-lanjutkan Duli Yang Maha Mulia telah mengingatkan ra'ayat akan tanggung jawab mereka terhadap pertadbiran negeri.

Baginda berkata:

"Boleh kita katakan sekarang bahawa pertadbiran dalam ne-

geri ada-lah di-pandu oleh kita sendiri dan dengan itu kita bertanggung jawab di-atas nasib kita.

"Tetapi beta suka hendak memberi sedikit kenyataan sa-bagai amaran untuk kita biarlah memperingati bersama ia-itu kemahuan untuk mentadbirkan negeri bersendirian sahaja tidak menchukupi.

"Jikalau kita mahu atau berkehendakkan negri kita ini benar2 tegap maka hendaklah kita melengkapi diri kita dengan ilmu pengetahuan yang perlu untuk mentadbirkan-nya."

Untuk menchapai chita2 ini baginda berpendapat bahawa kewajipan utama bagi kerajaan ialah memberi latehan dan kemudahan2 yang perlu kepada anak2 Negeri Brunei supaya membolehkan mereka mengambil peranan yang chergas dalam pertadbiran dan kemajuan negeri.

LAWATAN GABNOR BORNEO UTARA

BANDAR BRUNEI. — Sir Roland Turnbull, Gabnor Borneo Utara telah mengadakan satu lawatan muhibbah ka-Brunei baharu2 ini sa-belum bersara dari jawatan-nya.

Sir Roland ia-lah sa-orang bekas British Resident Brunei.

Satu jamuan telah di-adakan di-dewan Civic Centre oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Jahfar kerana mera'ikan Sir Roland.

Antara tetamu ia-lah Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Tuan D.C. White, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Yang Teramat Mulia Pengiran Pemancha dan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Tahniah Menteri

BANDAR BRUNEI. —

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim telah mengutus sa-puchok kawat tahniah kepada Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Inche Yusof bin Ishak.

"Pada sa'at penabalan yang bersejarah bagi sa-orang putera Malaya yang pertama menjadi Yang di-Pertuan Negara, saya bagi pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia mendo'akan kebahagiaan kepada ra'ayat dan Negara Singapura.

"Harap-lah kira-nya sampaikan kepada Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara ucapan tahniah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia atas lantekan itu dan do'a mudah2an penggal perkhidmatan-nya akan penuh dengan kejayaan yang gemilang."



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim telah menjadi tuan rumah kepada Yang Terutama Gabnor Borneo Utara, Sir Roland Turnbull dalam satu majlis jamuan di-Civic Centre dalam minggu lepas. Sir Roland, sa-orang bekas British Resident Brunei, akan bersara dari jawatan-nya sa-bagai Gabnor Borneo Utara.

Guru2 lepasan pertama dari maktab perguruan Lawatan meluaskan pengetahuan

BANDAR BRUNEI.— Dua puluh orang guru2 lepasan Mabtab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah berlepas dengan kapal ka-Labuan pada pagi Ithnin kelmarin dalam pelayaran ka-Persekutuan Tanah Melayu kerana meluaskan pemandangan mereka.

Guru2 itu ia-lah kumpulan pertama yang di-keluarkan oleh maktab itu sa-telah mendapat latehan sa-lama tiga tahun.

Kunjongan ka-Tanah Melayu itu ia-lah atas perbelanjaan Kerajaan Brunei.

Mereka akan singgah beberapa hari di-Singapura untuk melihat tempat2 yang di-fikirkan berguna kerana pengetahuan am dan sa-lepas itu akan menaiki kereta api menuju ka-Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Tanah Melayu.

Antara tempat2 yang di-ran-changkan untuk di-kunjongi di-Persekutuan Tanah Melayu ia-lah maktab latehan guru2 Melayu di-Tanjong Malam, Sultan Idris Training College.

Guru2 muda itu akan di-ra'ikan oleh penuntut2 maktab itu dalam satu jamuan tengah hari.

Guru2 yang baharu sahaja tamat latehan di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei itu telah mendapat sijil kelulusan dalam satu upacara yang di-adakan di-

dewan maktab pada malam Ju-ma'at lepas.

Dua orang daripada mereka telah mendapat sijil pangkat pertama dan empat sijil pangkat kedua.

Upacara tamat pengajian pada malam itu termasuk jamuan perpisahan daripada penuntut2 tahun satu dan dua kepada saudara2 mereka yang telah tamat latehan.

Antara dhaif2 yang terkemuka ia-lah beberapa orang ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, pehin2 dan ketua2 pejabat.

Pengetua Maktab, Tuan James Pearce, dalam ucapan tahniahnya kepada guru2 muda itu telah juga menghemborkan pujian2 kepada penuntut2 yang tinggal dan guru2 maktab itu atas kerajinan dan usaha mereka menjadikan maktab itu sa-buah pusat latehan yang memberi harapan baik bagi masa akan datang.

Ucapan itu telah di-balas oleh ketua penuntut, Yahya bin Ghafar.

Sijil2 kelulusan dan hadiah2 bagi penuntut2 tahun 1959 telah di-sampaikan oleh isteri Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun, Superintendent Pelajaran Melayu Brunei.

Sijil tahun 1959 :

Pangkat Pertama : Md. Ali bin Burut dan Awangku Hashim bin Pengiran Chuchu.

Pangkat Kedua : Bungsu bin Md. Salleh, Moksini bin Abu Bakar, Zaini bin Abd. Hamid, Mohiddin bin Ghafar.

Pangkat Ketiga : Mohd. Yusuf bin Daud, Ak. Yassin bin Pg. Kamaluddin, Ak. Yassin bin Pg. Matasan, Emran bin Hassan, Abd. Hamid bin Arshad, Emran bin Husain, Ibrahim bin Abdullah dan Nordin bin Hj. Tengah.

Hadiah2 bagi penuntut tahun 1959 :—

Kemajuan dalam pelajaran dari tahun 1. II, III, Mahmud Tahir; Penuntut yang banyak berjasa, Taib Othman; Ketua Kebun, Minor Abshah; Ketua Makan, Mahmud; Ketua Penuntut, Yahya Ghafar, Ketua Khutub Khanah, Moksini; Penuntut yang maju dalam permainan, Harun Samad; Ketua Permainan, Saji Radin; Ketua Lukisan, Ahmad Sulaiman.

Hukuman ka-atas 2 murid sekolah

SERIA—Dua orang murid sa-buah sekolah Inggeris di-sini telah di-tuduh dalam mahkamah baharu2 ini membuang angin dari tayar sa-buah motosikal yang di-tinggalkan di-kawasan sa-buah panggong wayang.

Sa-orang daripada murid2 itu telah di-bebaskan apabila bapa-nya bersetuju menurut nasihat magistrate supaya budak itu di-sebat di-rumah.

Budak yang sa-orang lagi itu telah di-denda \$25 kerana bapa-nya tidak mahu mengikut nasihat magistrate.

Walau pun demikian kedua orang bapa itu telah di-perentahkan mengikat jamin kerana kelakuan baik anak masing2 sa-lama sa-tahun.

TAWARAN DERMASISWA UNTUK MENUNTUT DI-AMERIKA

BANDAR BRUNEI.— Perkhidmatan Luar Amerika, suatu badan bantuan di-Amerika Sharikat ada-lah menawarkan beberapa dermasiswa kepada penuntut2 dari laur negeri termasuk Brunei.

Dermasiswa itu ia-lah untuk menuntut sa-lama sa-tahun di-sekolah tinggi Amerika dan di-tawarkan kepada penuntut yang di-fikirkan tidak mendapat peluang melawat ka-Amerika Sharikat.

Penuntut2 yang memohonkan dermasiswa itu hendak-lah berumur 16 tahun pada 1 September, 1960 dan tidak berumur lebeh dari 18 tahun pada tarikh itu.

Pemohon2 hendak-lah juga te-

lah lulus peperiksaan Cambridge School Certificate atau Sekolah Menengah China Tahun 3 atau telah masuk salah satu peperiksaan itu pada hujung tahun ini.

Sa-lain dari itu pemohon2 hendak-lah berkelakuan baik di-sekolah dan pandai bertutor dalam bahasa Inggeris.

Bagi Negeri Brunei hanya penuntut2 yang tetap tinggal di-Brunei sahaja akan mendapat pertimbangan.

Borang2 kerana memohonkan dermasiswa itu boleh di-dapati dari Pejabat Pelajaran Negeri Brunei.

Penuntut2 yang berjaya akan bertolak ka-Amerika Sharikat dalam bulan June atau July 1960 dan balek ka-Brunei dalam bulan June atau July, 1961.

Sandiwara penuntut2 Brunei

BANDAR BRUNEI.— Penuntut2 sekolah2 Inggeris di-sini telah bersama mempersembahkan malam aneka warna di-dewan SOAS College pada malam 12 December ini.

Aneka warna yang mengandungi tarian, lawak jenaka dan nyanyian itu telah di-saksikan oleh pembesar2 negeri, ibu bapa dan murid2 sekolah.

Kunjongan guru2 Melayu ka-padang minyak

BANDAR BRUNEI.— Sa-rombongan 22 orang guru2 kursus Melayu Brunei telah menjadi tetamu sharikat B.S.P. Seria dan sharikat Sarawak Oilfield, Miri dalam lawatan mereka sa-lama dua hari ka-padang minyak Seria dan Miri.

Guru2 itu berlepas dari Brunei pada pagi 9 December dan balek pada petang 10 December.

Rombongan yang di-ke-tuai oleh Inche Md. Hussin bin Imam Md. Yusof itu melawat ka-padang2 minyak itu kerana hendak menambah lagi pengetahuan mereka berkenaan dengan perusahaan minyak.

Di-ke-dua2 tempat yang di-lawati itu guru2 itu telah di-bawa melihat pekerja2 padang minyak menjalankan tugas mereka. Penerangan atas perusahaan minyak telah di-beri oleh pegawai2 sharikat yang berkenaan di-Seria dan Miri.

ALAMAT YANG BETUL JAMIN KESAMPAIAN SURAT

Tulis nama dengan terang

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Pos Brunei kerap kali di-binggongkan oleh penulis2 surat yang tidak menulis alamat yang terang dan betul pada sarong2 surat.

Surat2 yang beralamat demikian di-pulangkan balek kepada pengirim-nya atau di-simpan di-pejabat "surat mati" jika alamat pengirim-nya tidak di-ketahui.

Untuk menjamin supaya surat2 sampai kepada orang2 yang di-alamatkan, Pengelola Pejabat Pos Brunei, Inche Ali Khan menasihatkan :

◆ Tulis atau chap alamat yang betul dengan terang pada sarong surat dengan huruf Rumi seperti di-bawah ini :

◆ Chap nama bandar dengan huruf2 besar supaya pengator surat2 boleh membacha-nya dengan segera dan betul.

◆ Luangkan sakurang2-nya 1½ inchi di-atas alamat itu.

◆ Selalu letakkan stamp pos di-sabelah atas sudut tangan kanan sarong surat. Jangan-lah

digunakan stamp pos kerana melekatkan pelekat sarong surat itu.

◆ Gunakan nombor rumah, tidak nama-nya, bila2 boleh.

◆ Jangan-lah gunakan huruf2 rengkas atau huruf2 pendek untuk nama2 negeri.

◆ Nama dan alamat kamu hendak-lah selalu di-tuliskan pada penutup atau sa-belah belakang sarong surat.

◆ Jangan sakali2 menulis nama dan alamat kamu di-sabelah depan sarong surat.

◆ Alamat hendak-lah mengandungi :—

- (a) nama dan alamat yang penuh;
- (b) nombor rumah, bangunan dan lain2-nya serta nama lorong atau jalan;
- (c) nama kampung atau pekan;
- (d) nama bandar;
- (e) nama negeri bandar itu.

PARTI TEGASKAN TA'AT SETIA

BANDAR BRUNEI. — Partai Rakyat Brunei "belum dapat mengambil sa-suatu keputusan yang mu'tamad dalam soal menerima atau menolak perlembagaan baharu Negeri Brunei.

Kenyataan ini terkandung dalam satu siaran mengulas perlembagaan Negeri Brunei yang dimashhorkan pada 29 September tahun ini.

Siaran yang di-terbitkan oleh bahagian politik parti itu antara lain2 menegaskan :

"Partai Rakyat mempertahankan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei dengan segala keturunan2-nya menduduki takhta Kerajaan Brunei dengan dasar perlembagaan."

Stamp

Inche Ahmad bin Mohammed,

No. 3, Jalan Stoney,

Kampong Sumbiling,

BRUNEI.

Pasokan SRC/Panaga tewaskan Kadazan 3 gol berbalas 1

SERIA — Pasokan Kadazan telah di-kalahkan 3 gol berbalas 2 oleh pasokan SRC/Panaga dalam satu pertandingan di-sini pada hari Sabtu lepas kerana merebutkan piala Higgins antara pasokan2 bahagian pertama.

Gol pertama kepada SRC/Panaga telah di-jaringkan delapan minit sa-telah permainan di-mulakan. Gol itu di-tendangkan oleh Vivian Rasiah dari jarak dekat.

Tujuh minit kemudian Clement Chia pula menyumbatkan satu gol lagi bagi pehak pemenang dengan menandok bola ka-dalam gol yang telah di-tinggalkan oleh penjaga gol pasokan Kadazan.

Kekalahan itu telah di-kurang-

kan menjadi 2-1 dalam minit yang 54 apabila Roland Teo dari pasokan Kadazan berjaya menjaringkan bola ka-dalam gol SRC/Panaga.

Tetapi tidak lama lepas itu SRC/Panaga telah gol penghabisan dan perlawanan itu tamat dengan kemenangan kepada SRC/Panaga.

PEMBUNOHAN: 2 ORANG IBAN DI-TAHAN

KUALA BELAIT — Dua orang Iban yang telah di-tangkap oleh O.C.P.D. Belait, Tuan J. Tiernan di-Bahagian Kelima, Sarawak pada awal minggu lepas telah di-hadapkan di-mahkamah berkenaan dengan pembunuhan sa-orang perempuan tua China di-Sungai Tali dala, bulan January tahun ini.

Perempuan yang berumur lebeh kurang 65 tahun itu telah di-dapati terbunuh di-rumah-nya.

Orang2 Iban itu ia-lah Sinau anak Bawan dan Bagop anak Gan. Mereka telah di-perentahkan oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe bagi di-tahan sa-lama sa-minggu.

Kemalangan jalan raya

KUALA BELAIT. — Sa-orang pemuda Melayu, Lumpoh bin Ahmad telah terbunuh di-batu 43 Jalan Brunei baharu2 ini berikutan dengan kemalangan sa-buah kereta yang di-tumpang-nya.

Motokar itu telah terkelinchi dari jalan dan terbalek dalam perjalanan dari Kuala Belait ka-Brunei. Tayar kiri belakang-nya telah meletup.

KAWASAN KOLAM AYER BAHARU



Pemandangan di-ulu Sungai Tasek, Bandar Brunei.—Sungai itu akan di-ampang untuk di-jadikan kolam ayer yang akan membekalkan 2,000,000 gelen ayer sa-hari kepada Bandar Brunei.

718 GUNI BERAS BEKALAN ROSAK TERENDAM DALAM PETAK KAPAL

BANDAR BRUNEI — Sa-banyak 718 guni beras telah di-dapati rosak dan tidak baik lagi untuk di-jadikan makanan manusia kerana telah lama terendam dalam ayer.

Beras itu di-bawa masuk oleh kapal "Pangkor" baharu2 ini antara 4,580 guni beras bekalan yang di-pesan oleh Kerajaan.

Beras itu di-dapati terendam dalam ayer apabila hendak di-pungkah keluar. Petak simpanan-nya telah bochor.

Pegawai Tanaman Brunei, Yang Berhormat Inche Hamid bin Awang Damit berkata bahawa beras itu telah di-periksa oleh doktor kesihatan dan hanya baik untuk di-jadikan makanan binatang2 ternakan.

Beras yang rosak itu telah di-edarkan kepada pekedai2 untuk di-jual dengan harga yang murah kepada petani2 bagi di-jadikan makanan binatang ternakan mereka.

Pekedai2 itu telah di-beri amaran supaya jangan mengambil untong yang berlebeh2an dari jualan beras itu.

Mereka akan di-hukum jika di-dapati melanggar perentah itu.

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI SA-PENOH-NYA

Keluaran Pelita Brunei hari ini hanya sempat menyiarkan sa-bahagian dari Bahagian IV dan V yang menetapkan penubuhan dan syarat2 bagi Majlis Meshuarat Kerajaan menjalarkan kuasa-nya.

Antara majlis2 meshuarat yang di-tubuhkan di-bawah perlembagaan itu Majlis Meshuarat Kerajaan ada-lah di-sifatkan yang penting sa-kali.

Perlembagaan itu sa-terus-nya berbunyi:

(3) Tiap2 ahli yang di-lantek dalam Majlis Meshuarat Diraja itu akan memegang jawatan masing2 chuma sa-lama yang di-sukai oleh Sultan dan terta'alok kepada ini, mereka akan memegang jawatan masing2 sa-lama tempoh dan atas syarat yang di-sebutkan dalam surat perintah yang melantek mereka.

(4) Tiap2 Ahli Majlis Meshuarat Diraja itu, sa-belum menjalankan kewajipan2 jawatan mereka, hendak-lah dia membuat di-hadapan Pemangku Raja telah di-lantek, di-hadapan Pemangku Raja laki2 yang kanan, persumpahan atau pengakuan sa-bagai mana yang tersebut dalam burang 1 dalam jadual atau di-hadapan orang lain yang di-tentukan oleh Sultan atau oleh Pemangku Raja laki2 yang kanan.

(5) Sungguh pun dia bukan Ahli Majlis Meshuarat Diraja, maka Peguam Negara:—

(a) Berhak menghadhiri persidangan majlis itu kerana menolok majlis itu menasihatkan Sultan berkenaan dengan kuasa2 yang terletak di-tangan baginda oleh cherai-an (1) bab 9;

(b) Boleh jika di-titah oleh baginda atau jika di-kehendaki oleh lain2 orang yang mengurus meshuarat majlis itu, menghadhiri meshuarat itu kerana memberi nasihat kepada majlis itu berkenaan dengan lain2 perkara.

(6) 1. Pekerjaan Majlis Meshuarat Diraja ia-lah:—

(a) Menasihatkan Sultan berkaitan dengan menggunakan hak pengampunan dan berhubung dengan pindaan atau pembatalan sa-barang kandungan perlembagaan ini, menurut bab 9 dan 85;

(b) Terta'alok kepada mana2 undang2 bertulis, menasihatkan Sultan tentang lantekan orang2 ka-pangkat2, gelaran2, kehormatan2, dan kebesaran 'adat isti' adat Melayu dan menantikan pekerjaan2 yang berhubung dengan-nya;

(c) Menjalankan lain2 pekerjaan yang di-beri kepada-nya oleh mana2 undang2 bertulis atau terta'alok kepada perlembagaan ini dan undang2 sa-demikian oleh Sultan.

(2) Butir2 keputusan meshuarat bagi Majlis Meshuarat Diraja hendak-lah di-simpan.

(3) Sultan hendak-lah melantek sa-orang yang baik dan layak menjadi juru tulis Majlis Meshuarat Diraja dan sa-belum orang itu memulakan kewajipan2 jawatan-nya itu hendak-lah dia menggangkat atau membuat dan menanda tangani, di-hadapan Sultan atau pun Pemangku Raja laki2 yang kanan, sumpah atau pengakuan sa-bagai mana yang tersebut dalam borang 11 dalam jadual.

(4) Terta'alok kepada undang2 bertulis yang lain penjelasan mana2 kuasa yang di-beri kepada Majlis Meshuarat Diraja atau perbuatan2 majlis itu, boleh di-nyatakan dengan surat yang di-tanda-

tangani oleh juru tulis Majlis Meshuarat Diraja.

7. (1) Majlis Meshuarat Diraja tiada boleh di-panggil bermeshuarat kecil dengan kebenaran Sultan, atau jika Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, oleh Pemangku Raja laki2 yang kanan, atau jika Sultan tiada dalam negeri dan Jemaah Pemangku Raja tiada di-lantek, oleh wazir yang kanan.

(2) (a) Tiada perkara yang boleh di-jalankan pada persidangan Majlis Meshuarat Diraja jika kurang dari satu pertiga ahli2 Majlis Meshuarat (sa-lain dari Sultan atau lain2 orang yang mengurusi Majlis) hadir di-meshuarat itu, dan Sultan atau sa-barang ahli yang hadir di-meshuarat itu tiada boleh di-bahagi tiga, maka bagi maksud cherai-an ini bilangan ahli bersetuju di-jalankan persidangan oleh kerana tiada cukup ahli yang hadir.

(b) Jika bilangan ahli2 Majlis Meshuarat Diraja yang hadir itu tiada boleh di-bahagi tiga, maka bagi maksud cherai-an ini bilangan ahli yang hadir itu ada-lah di-anggap bilangan yang sa-lepas daripada itu yang boleh di-bahagi tiga.

(3) Mana2 meshuarat dan keputusan Majlis Meshuarat Diraja ada-lah sah, sungguh pun ada orang mengambil bahagian dalam meshuarat itu yang tiada berhak berbuat demikian.

8. (1) Sa-boleh2-nya hendak-lah Sultan mengurus meshuarat Majlis Meshuarat Diraja.

(2) Jika Sultan tiada hadir, maka orang yang akan mengurus meshuarat itu hendak lah:—

(a) Jika Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, Pemangku Raja laki2 yang kanan yang hadir;

(b) Jika Jemaah Pemangku Raja tiada di-lantek, Ahli Majlis Meshuarat Diraja yang di-lantek oleh Sultan sa-bagai Pengurus Meshuarat itu atau jika ahli yang sa-demikian tiada hadir atau ahli yang sa-demikian tiada di-lantek, wazir yang kanan

(c) Kalau tiada pengurus seperti yang tersebut di-atas, ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) dari Majlis Meshuarat Diraja yang hadir, jawatan siapa ada-lah terdahulu dalam susunan jawatan pegawai2 yang di-sebutkan dalam fasal (b) cherai-an (2) bab 5.

9. (1) Sultan boleh pada bila2 masa menjalankan suatu atau lebeh dari kuasa2 yang berikut ini sa-bagaimana di-fikirkan-nya patut mengenai mana2 kesalahan yang menyebabkan orang yang melakukan-nya itu boleh di-bicarakan dalam negeri, ia-itu kuasa bagi:—

(a) Mengurniakan ampun kepada sa-siapa yang berkaitan dengan, atau telah di-hukum salah kerana, mana2 kesalahan sa-demikian itu, sama ada ampun dengan tiada bersyarat atau pun dengan syarat2 yang sah;

(b) Mengurniakan penangohan bagi menjalankan mana2 hukuman yang di-jatohkan ka-atas orang itu kerana kesalahan sa-demikian, sama ada penangohan bagi tempoh yang tiada tertentu atau yang tertentu;

(c) Menukar dengan hukuman yang berat hukuman yang di-jatohkan ka-atas orang itu kerana kesalahan sa-demikian;

(d) Menghapuskan semua atau mengurangkan sa-barang hukuman yang di-jatohkan kerana kesalahan itu atau pun menghapuskan semua atau mengurangkan sa-barang den-

da atau bayaran kepada negeri atau kepada Sultan atau orang2 lain disebabkan oleh kesalahan sa-demikian;

(e) Memerentah di-lepaskan sa-barang orang yang terpenjara kerana tidak membayar mana2 wang yang tersebut di-atas.

(2) Sultan tidak boleh mengampun atau menangguh hukuman terhadap orang2 salah yang tersebut dalam cherai-an (1) melainkan patut pada fikiran-nya, ia-itu sa-telah menerima nasihat atas hal itu daripada Majlis Meshuarat Diraja; tetapi hendak-lah baginda memutuskan sama ada memberi atau tidak memberi ampun atau tanggahan itu mengikut fikiran-nya sendiri, baik ahli2 Majlis Meshuarat Diraja itu bersetuju dengan-nya atau tidak. Tetapi jika keputusan baginda berlawanan dengan nasihat kebanyakan ahli2 itu, maka hendak-lah baginda menuliskan alasan2nya dengan sa-penoh-nya dalam butir2 Meshuarat Majlis itu.

(3) Meskipun tiada undang2 bertulis membenarkan hukuman penjara sampai mati atau lebeh dari lima belas tahun, tetapi boleh-lah baginda mengampunkan sa-saorang yang di-hukum mati itu dengan syarat orang itu di-penjara-kan sampai mati dan syarat sa-demikian itu hendak-lah di-kira sa-bagai "syarat yang sah" yang tersebut dalam cherai-an (1).

(4) Peguam Negara mesti-lah memberi kepada Majlis Meshuarat Diraja sakalian keterangan yang ada pada penda'wa berkenaan dengan sa-saorang salah yang telah di-hukum mati, ia-itu keterangan yang berhubung dengan penjelasan kuasa Sultan mengampun orang salah itu sa-bagai mana yang tersebut dalam cherai-an (1).

BAHAGIAN V MAJLIS MESHUARAT KERAJAAN

10. Hendak-lah ada sa-buah Majlis Meshuarat Kerajaan di-dalam dan bagi negeri yang di-tuboh menurut bahagian ini.

11. (1) Maka meshuarat Majlis Meshuarat Kerajaan akan di-pengerusi oleh Sultan dan terta'alok kepada bab 13, majlis itu akan mengandungi:—

(a) Tujuh orang ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) ia-itu Wazir2, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Ugama;

(b) Pesuruh Jaya Tinggi;

(c) Tujuh orang ahli2 yang bukan rasmi, enam orang daripadanya hendak-lah di-lantek daripada ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang di-pilih, dan sa-orang lagi hendak-lah dari ahli Majlis Meshuarat yang di-lantek.

(2) Ahli2 dari Majlis Meshuarat Kerajaan yang bukan rasmi akan di-lantek oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan.

(3) Bagi maksud2 cherai-an (1), (5) dan (6) dari bab 12, maka Pesuruh Jaya Tinggi ada-lah di-anggap sa-bagai ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) bagi Majlis Meshuarat Kerajaan.

(4) Manakala Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek, tiap2 Pemangku Raja akan menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan.

12. (1) Dengan terta'alok kepada perlembagaan ini, maka tiap2 ahli sa-lain daripada Pemangku Raja atau ahli kerana jawatan (ex-

officio) hendak-lah menduduki kerusi-nya di-dalam Majlis Meshuarat Kerajaan ini chuma sa-lama di-sukai oleh Sultan, dan bagaimana pun hal-nya, maka mereka akan berhenti menjadi ahli tiga tahun semenjak tarikh surat perintah yang melantek-nya atau pun pada tarikh lebeh awal lagi yang di-nyatakan dalam surat perintah itu, atau pun lebeh awal lagi dari tarikh itu jika kerusi-nya itu terkosong menurut bab ini.

(2) Kerusi ahli yang bukan rasmi akan terkosong:—

(a) Jika dia di-lantek menjadi Pemangku Raja;

(b) Jika dia dengan surat yang di-alamatkan kepada Juru tulis Majlis itu, mohon berhenti daripada menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan;

(c) Jika dia bukan lagi menjadi ahli yang di-pilih atau ahli yang di-lantek bagi Majlis Meshuarat Negeri;

(d) Jika dia keluar daripada negeri dengan tiada izin Sultan salam tempoh yang terus menerus lebeh dari sa-bulan.

(3) Kalau sa-saorang di-lantek menjadi ahli sementara bagi Majlis Meshuarat Kerajaan dan pada masa dia menjadi ahli sementara itu dia terus di-lantek menjadi ahli yang bukan rasmi, tempoh tiga tahun yang di-sebut dalam cherai-an (1) itu akan berjalan dari tarikh surat perintah yang melantek-nya menjadi ahli sementara itu.

(4) Jika ahli bukan rasmi di-lantek sementara memegang atau memegang mana2 jawatan kerajaan dan oleh kerana itu dia menjadi ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio) atau ahli rasmi bagi Majlis Meshuarat Negeri, maka tiada boleh lagi dia menduduki kerusi dalam Majlis Meshuarat Kerajaan sa-bagai ahli bukan rasmi atau mengambil bahagian dalam meshuarat majlis itu sa-bagai ahli bukan rasmi salama dia memegang atau memegang jawatan itu.

(5) Dengan alasan yang kelihatan pada-nya baik dan mencukupi, Sultan berkuasa dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, mengishtiharkan bahawa sa-saorang ahli sa-lain dari Pemangku Raja atau ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio), tidak upaya melakukan pekerjaan2-nya sa-bagai ahli dalam Majlis Meshuarat Kerajaan; dan sa-telah itu ahli itu tiada berhak lagi menduduki kerusi atau mengambil bahagian dalam meshuarat majlis itu sa-hingga di-ishtihar, menurut chara yang tersebut tadi, bahawa ia telah upaya sa-mula melakukan pekerjaan-nya.

(6) Dengan alasan yang kelihatan pada-nya baik dan mencukupi, Sultan berkuasa dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, memberhentikan sementara mana2 ahli, sa-lain dari Pemangku Raja atau ahli rasmi kerana jawatan (ex-officio), daripada melakukan pekerjaan2 sa-bagai ahli itu; dan sa-telah itu ahli itu tiada berhak lagi menduduki kerusi atau mengambil bahagian dalam meshuarat majlis itu sa-lagi perhentian sementara itu maseh berkuat kuasa; dan perhentian sementara itu akan terus berkuat kuasa sa-hingga ia dibatalkan oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, atau sa-hingga orang yang di-berhentikan sementara itu berhenti daripada menjadi ahli dalam Majlis Meshuarat Kerajaan.

(7) Mana2 orang yang mengosongkan kerusi sa-bagai ahli Majlis Meshuarat Kerajaan boleh di-lantek sa-mula menjadi ahli dari satu masa ka-satu masa.

13. (1) Jika:—
(Lihat muka 7)

Belanjawan tahun 1960 Kemajuan \$17 juta

BANDAR BRUNEI — Kerajaan Brunei menganggarkan perbelanjaan negeri sa-banyak \$57,055,830 ia-itu termasuk \$781,000 kerana peruntukan Diraja bagi tahun hadapan.

Perbelanjaan ini telah di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini sa-malam.

Kuasa membelanjakan wang yang sa-banyak itu terkandung dalam Undang2 Perbekalan dan Undang2 Peruntukan Diraja yang telah di-luluskan oleh majlis meshuarat.

Antara tajok2 dalam senarai perbelanjaan, Pejabat Kerja Raya menganggarkan perbelanjaan-nya sa-banyak \$10,830,406, Pejabat Kemajuan \$17,000,000 dan Pejabat Pelajaran \$6,611,200.

Sa-lain dari itu Pejabat Perubatan dan Kesihatan akan membelanjakan \$3,693,730, Polis \$2,904,820 dan Berbagai2 Per-

Balek dari berchuti

BANDAR BRUNEI — Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Tuan D. C. White telah memegang sa-mula jawatan-nya pada 28 November lepas sa-telah berchuti rehat di-Hongkong sa-lama dua minggu.

Jawatan itu telah di-pangku oleh Tuan G. C. Gray, Setiausaha Kerajaan Tempatan Borneo Utara sa-lama Tuan White berada di-luar negeri.

Tuan Gray dan isteri-nya telah di-iringkan oleh Tuan D.C. White sa-hingga ka-lapangan terbang Berakas dalam perjalanan-nya balek ka-Borneo Utara pada terikh tersebut.

khidmatan \$2,255,020.

Satu tajok baharu dalam anggaran belanjawan tahun hadapan ia-lah peruntukan kerana Askar Melayu Brunei. Kerana Perkhidmatan ini satu peruntukan

sharat sa-banyak \$1,000 telah dimasokkan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan di-untukkan \$150,000 bagi diri baginda dari jumlah perbelanjaan sa-banyak \$781,000 kerana peruntukan Diraja.

Peruntukan itu termasuk perbelanjaan kera'ian, perbelanjaan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, putera puteri, gaji pekerja2 Istana, penchen siasah, allowance2 rahim dan lain2 perbelanjaan Diraja.



Gabnor Borneo Utara, Sir Roland Turnbull yang telah mengadakan lawatan muhibbah ka-Brunei sa-belum bersara dari jawatannya telah di-sambut dengan satu barisan kehormatan oleh pasukan Polis Brunei. Perbarisan itu di-ketuai oleh O.C.P.D. Brunei, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Perubahan masa bekerja

BANDAR BRUNEI — Masa bekerja di-pejabat2 Kerajaan diseluruh Negeri Brunei akan di-samakan mulai 1 January tahun hadapan.

Pada masa ini pejabat2 di-Brunei, Tutong dan Temburong di-buka pada pukul 7.30 pagi dan tetapi pejabat2 di-Kuala Belait

dan Seria di-buka satu jam kemudian.

Masa berfahat tengah hari dan penutupan pejabat ada-lah berlainan. Demikian juga hari2 kelepaan.

Dari 1 January kelak masa bekerja ia-lah dari pukul 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari 1.30 tengah hari hingga 4 petang pada hari Ithnin hingga hari Khamis dan Sabtu.

Hari Juma'at dan hari Ahad akan menjadi hari kelepaan diseluruh negeri.

Kunjongan pegawai2 Filipina

BANDAR BRUNEI — Enam belas orang pegawai2 kanan Kerajaan Filipina, termasuk ahli2 Kongres dan Senate telah melawat ka-sini pada hari Sabtu lepas di-bawah anjoran sharikat minyak B.S.P., Seria.

Rombongan itu datang ka-Brunei atas jemputan sharikat B.S.P. yang mempunyai perhubungan dengan sharikat minyak Shell Filipina.

Rombongan itu telah di-pandu melihat masjid Omar Ali Saifuddin dan kemudian melawat Kampong Ayer dengan menggunakan kapal "Muara."

KENAIKAN TAMBANG KAPAL TERBANG

BANDAR BRUNEI. — Tambang penumpang dan bayaran mengirim barang dengan Borneo Airways telah di-naikkan 10 peratus mulai 14 December ini.

Kenaikan tambang itu telah di-umumkan oleh sharikat itu berikutan dengan keputusan suatu sharikat penerbangan lain, Malayan Airways, menaikkan tambang antara Singapura dengan kawasan2 Borneo British sa-banyak 10 peratus mulai 14 December.

Borneo Airways memberi perkhidmatan penerbangan antara bandar2 di-Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.

Mulai dari 14 December sa-buah Twin Pioneer akan singgah di-Anduki dalam penerbangan dari Sibul, Bintulu dan Lutong.

Kapal2 terbang jenis Twin Pioneer dan Havilland Rapide sharikat itu akan singgah di-lapangan Berakas pada hari Ithnin, Rabu, Khamis, Juma'at dan Sabtu.

BERBAGAI2 FUND UNTOK PINJAMAN

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah mengeluarkan sa-banyak \$32,860,000 dari Kumpulan Wang Yang Di-satukan kerana di-jadikan berbagai2 fund tahun hadapan.

Kebenaran mengeluarkan wang itu terkandung dalam Undang2 Menguntokkan Wang bagi fund2 yang telah di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri dalam persidangan-nya di-Lapau Diraja di-sini sa-malam.

Fund2 yang telah di-bentok dari wang yang di-keluarkan itu ada-lah seperti berikut :

Fund Gegasan, \$5,000,000; Fund Pinjaman2 Rumah, \$5,200,000; Fund Pinjaman2 Kedai, \$5,200,000; Fund Pinjaman2 Kemajuan, \$2,300,000; Fund Pinjaman2 Binatang Ternakan, \$50,000; Fund Pinjaman2 Sendiri, \$50,000.

Fund Pinjaman2 Kenderaan, \$1,500,000; Fund Pinjaman2 Sendiri (Pegawai2 Kerajaan), \$800,000; Fund Pinjaman2 Rampaian, \$100,000; Fund Pinjaman Wang Tunai, \$10,000; Fund Kira2 Keluar masuk antara Pertadbiran dan wakil, \$2,400,000; Fund Kira2 Departmental Clearance, \$50,000 dan Fund Simpanan dan Perniagaan, \$10,200,000.

RENGKASAN ANGGARAN HASIL DAN BELANJAWAN 1960

BANDAR BRUNEI — Hasil Negeri Brunei bagi tahun hadapan ada-lah di-anggarkan kurang dari tahun ini sa-banyak \$4,000,000.

Dalam anggaran hasil yang di-bentangkan dalam Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang di-Lapau Diraja di-sini hari ini dan sa-malam pendapatan bagi tahun 1960 di-anggarkan sa-banyak \$120,659,405.

Hasil yang besar sa-kali di-dapati daripada chukai pendapatan yang di-anggarkan sa-banyak \$54,540,000 di-turuti oleh hasil dari harta kerajaan sa-banyak \$34,719,510.

Faedah dari wang simpanan dan wang kertas di-anggarkan sa-banyak \$24,742,000 dan hasil dari chukai kastam di-anggarkan kurang sedikit dari tahun ini ia-itu hanya \$3,415,000.

Dari hasil itu sa-banyak \$91,395,090 akan di-gunakan dalam tahun hadapan kerana perbelanjaan negeri dan mengadakan fund2 yang tertentu.

Fund2 yang berjumlah sa-banyak \$32,860,000 itu akan di-edarkan di-dalam negeri kerana berbagai2 pinjaman ka-pada ra'ayat.

Sa-telah di-ambil perbelanjaan kerana perkhidmatan dan lain2, hasil Negeri Brunei bagi tahun hadapan ada-lah di-anggarkan berlebeh sa-banyak \$29,264,315.

Wanita berhak dapat taraf yang sama

BANDAR BRUNEI — Bila kita sebut wanita, banyak sa-kali orang yang dapat mentafsirkan dengan berbagai2 pendapat. Ada orang mentafsirkan wanit itu sa-bagai perhiasan dan suntingan laki2, ada yang mentafsirkan wanita itu hanya menyelenggarakan rumah tangga dan hiasan masharakat sahaja, dan lain, lagi.

Walau pun banyak tafsiran itu di-berikan orang kapada wanita namun kita maseh dapat mengatakan dengan jelas bahawa tafsiran wanita itu yang sa-benar-nya ia-lah ibu bagi anak2 dan bangsa.

Dalam pengertian ibu yang kita binchangkan ini patut-lah kita insafi benar2 bahawa kita kaum wanita ada-lah ibu bagi rumah tangga.

Dengan pengertian ini hendak-lah kita tunjukkan kapada masharakat seluroh-nya bahawa kita sa-benar2-nya ibu bukan hiasan.

Antara tanggung jawab ibu ia-lah mengendalikan rumah tangga dan mendidik anak2.

Dalam soal mendidik keturunan ini ibu yang bijak dan pandai itu berhak mendapat kemulian dengan tidak mementingkan dirinya sendiri.

Sa-lain dari itu wanita ada-lah mempunyai tanggung jawab di-luar rumah tangga. Wanita bertanggung jawab mengemudikan

masharakat untok kebaikan bangsa.

Di-negara2 yang telah maju wanita berjuang kerana menchapai hak yang sama dalam segi politik. Mereka itu berhak di-pilih dan berhak memilih wakil2 wanita dalam majlis2 perwakilan. — (M. Samsinah)

Pepereksaan kesihatan penjaja2

BANDAR BRUNEI — Penjaja2 yang hendak membaharui lesen2 penjaja mereka ada-lah di-kehendaki datang ka-Pejabat Kesihatan, Bandar Brunei, tidak lewat dari 31 December ini kerana pepereksaan kesihatan.

Mereka akan di-pereksa bila2 masa pejabat itu di-buka pada hari bekerja.

Akuan kesihatan daripada doktor ada-lah satu sharat yang mustahak bagi membaharui lesen2 penjaja.

Penjaja2 yang datang ka-rumah sakit sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-pereksa dan yang demikian lesen penjaja mereka tidak akan di-baharui.

Pendidekan yang sempurna ia-lah puncha kemajuan

BANDAR BRUNEI — Pendidekan yang sempurna sanggup merupakan anak2 menjadi manusia yang baik bersemangat dan berkemajuan yang tidak akan mundur lagi.

Dengan sebab pendidekan jugalah satu daripada jalan bagi satengah2 bangsa di-dunia ini boleh maju. Sa-balek-nya kejatoan sa-suatu kaum itu berpuncha daripada pendidekan yang di-chuailkan.

Pendidekan tidak akan berdiri dengan sendiri-nya melainkan di-usahkan daripada bahagian2 yang tertentu bagi-nya.

Dalam masharakat kita orang Melayu pendidekan maseh kurang . . . Bukan-nya kita tidak boleh menerima pelajaran tinggi, tetapi ia-lah di-sebabkan pendidekan yang kita terima tidak begitu sempurna menjadikan kita tertinggal di-dalam segala lapangan.

Kita misti ingat, "Tangan yang mengayun buaian itu-lah

KAUM IBU HORMATKAN GABNOR



Isteri Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Jahfar, Menteri Besar Brunei, kelihatan sedang berjabat tangan dengan isteri Tuan Wally Skinner di-dewan Civic Centre, Bandar Brunei dalam majlis jamuan kerana menghormati Sir Roland Turnbull, Gabnor Borneo Utara.

GADIS2 YANG TIDAK BELAJAR MERUGIKAN MASHARAKAT

BANDAR BRUNEI — Kalau di-bandingkan didekan gadis2 hari ini dengan gadis2 dahulu ada-lah sangat jauh perubahan-nya. Orang2 tua dahulu suka mengurong anak2 gadis mereka dengan ta' membenarkan mereka itu keluar menuntut pelajaran di-sekolah.

Perkara ini memang sudah adat sa-mula jadi pada orang tua2 bangsa Melayu kerana mereka berpendapat bahawa anak2 gadis itu ta' perlu di-sekolahkan.

Mereka ta' k u t kalau2 anak2 gadis itu memberi malu dan men-chontengkan arang pada muka mereka kelak.

Tetapi hari ini pendapat yang sa-rupa itu hampir2 telah hapus. Ibu2 dan bapa2 sudah berani melepaskan anak2 gadis mereka. Bukti-nya dapat di-saksikan sa-

tiap hari kerana berduyun2 anak2 gadis sama ada besar atau kechil pergi ka-sekolah.

Dalam pada itu, sungguh pun telah banyak orang2 tua kita melepaskan anak2 gadis mereka ka-sekolah tetapi ada pula satengah2-nya yang maseh menganut faham lama dan tidak memberi peluang kapada anak2 gadis itu menuntut pelajaran.

Kejadian ini sangat merugikan masharakat dan bangsa.

Anak2 gadis yang tidak pergi ka-sekolah itu bukan sahaja tidak pandai menulis dan membaca bahkan mereka terpaksa melepaskan peluang mempelajari ugama yang di-ajar di-sekolah2 pada masa ini (AAA).

ROMBONGAN JEMAAH HAJI TAHUN 1961

BANDAR BRUNEI — Sa-ra-mai 45 orang Islam di-negeri ini telah mendaftarkan nama hendak menunaikan fardu haji dalam tahun hadapan.

Antara mereka itu ia-lah 9 orang perempuan.

Tarikh pelayaran kapal belum lagi di-tetapkan.

Mereka itu akan di-bahagi kapada tiga rombongan: 11 orang dalam pelayaran pertama, 26 pelayaran kedua dan 8 orang dalam pelayaran ketiga.

Dengki itu puncha 1001 macham muslihat

BANDAR BRUNEI — Dengki ada-lah satu perkataan yang kurang sedap di-dengar. Perkataan yang bermaksud "ingin kapada sa-suatu yang ada pada orang lain tetapi tidak ada pada kita" itu ia-lah juga puncha bermacam2 ke-burokan.

Dengki itu mengandongi 1,001 macham muslihat. Jangan-lah hendak-nya kita dengki dengan kekayaan dan pangkat orang lain tetapi sa-saorang itu harus dengki pada ilmu dan pelajaran orang lain.

Dengki sa-chara ini memberi galakan kapada sa-sa-orang menuntut ilmu dan memperbaiki taraf kedudukannya yang sangat di-perlukan kerana kebajikan masharakat.

Sa-balek-nya dengki kapada harta dan kekayaan orang lain itu menimbulkan ke-burokan kerana tidak dapat tiada orang itu akan tergoda melakukan kesalahan di-sisi masharakat untok menyampaikan chita2-nya. — (Jus T.)

Pasokan2 SOAS johan dalam dua bahagian

BANDAR BRUNEI. — Dalam pertandingan bola sepak antara sekolah2 Negeri Brunei pasokan2 SOAS College bahagian 16 tahun dan 4 kaki 8 inchi telah berjaya merebut gelaran johan.

Pada hari Khamis lepas pasokan 16 tahun SOAS itu telah mengalahkan pasokan Anthony Abell College dari Seria dalam pertandingan akhir.

Pertandingan itu di-adakan di-padang SOAS di-sini dan di-saksikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah.

Pasokan SOAS telah menjaringkan 3 gol berbalas 1 dan dengan kejayaan itu SOAS telah menjadi johan pasokan2 16 tahun.

Sungguh pun pasokan SOAS menang dalam pertandingan tetapi gol pertama telah di-sumbatkan oleh sa-orang forward Anthony Abell ka-dalam goal SOAS.

SOAS telah berjaya bersaing sa-mula apabila Kula bin Puasa menjaringkan gol pertama bagi

pasokan-nya tidak lama kemudian.

Keadaan ini berjalan sa-hingga separoh masa permainan.

Tetapi dalam permainan separoh akhir pasokan SOAS telah bermain dengan lebeh chergas dan telah mendapat 2 goal lagi.

Gol2 itu di-jaringkan oleh Hanafiah Md. Salleh dan Osman Haji Tengah.

Pada hujung bulan lepas pasokan 4 kaki 8 inchi SOAS telah menyandang gelaran johan bagi pasokan2 dalam bahagian itu.

Pasokan itu telah mengalahkan pasokan Sekolah Melayu Temburong.

Perlawanan kerana merebutkan gelaran johan pasokan2 16

tahun itu telah di-mula oleh Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah.

Baginda telah di-junjung ka-padang untuk memulakan tendangan.

PERLAWANAN TINJU TAHUN HADAPAN

BANDAR BRUNEI — Pengerusi Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei yang akan di-tubuhkan itu, Tuan R. D. Ross berkata bahawa persatuan itu akan mengadakan kursus2 pengadil, hakim sa-lain dari meninggikan darjah tinju dan pengadilan-nya di-Negeri Brunei.

Tuan Ross berkata bahawa tujuan besar persatuan itu ia-lah kerana melateh ahli2 tinju tempatan membaiki chara2 tinju mereka.

Ini akan membolehkan Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei akhir-nya bergabung dengan Persatuan Tinju Amateur Antara Bangsa, ia-itu badan yang berkuasa mengenai hal ahwal tinju amateur di-dunia ini.

Dalam pada itu lebeh 20 orang ahli2 tinju di-bandar ini telah bersetuju hendak mendapat latihan daripada juruteh persatuan itu.

Perlawanan pertama antara mereka itu mungkin di-adakan pada awal tahun hadapan.

Brunei ka-atas dalam tennis

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Brunei Town Amateur Lawn Tennis Association telah menjadi tuan rumah kepada pemain2 tennis dari Seria pada hujung minggu lepas.

Dalam beberapa pertandingan persahabatan bergu dan sa-orangan yang di-adakan di-sini pada hari Sabtu dan Ahad itu Bandar Brunei telah mendapat kejayaan 16 permainan lawan 10.

Sa-telah pertandingan selesai peminat2 tennis di-Bandar Brunei telah merai'kan pemain2 dari Seria itu dengan satu jamuan di-dewan Civic Centre.

Jamuan itu di-akhiri dengan satu pertunjukan film2 mengenai permainan tennis dan bola sepak.

PESUROH JAYA POLIS BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Tuan A.N. Outram, Pesuruh Jaya Polis Brunei telah mula memegang jawatan-nya dari 1 December ini menggantikan Tuan K.S. Leeston Smith.

Tuan Outram telah berkhidmat di-Brunei dahulu sa-bagai Chief Police Officer.

Pasokan Bandar Brunei mendapat kejayaan bagi kali pertama

BANDAR BRUNEI — Bagi kali pertama-nya dalam musim ini pasokan rugby Bandar Brunei telah mendapat kemenangan apabila ia mengalahkan pasokan Sekolah Pertukangan Seria dalam satu perlawanan di-padang SOAS pada hari Sabtu lepas.

Pasokan Bandar Brunei telah menang 6 mata tidak berbalas ia-itu 2 try.

Perlawanan itu di-mainkan di-atas padang yang sangat lembab di-sebabkan hujan pada petang itu. Keadaan ini memban-tu pasokan Bandar Brunei.

Kemenangan pasokan Bandar Brunei itu ia-lah akibat tegasan pertahanan kerana pasokan Sekolah Pertukangan itu di-ketahui pantas dan chergas.

Try yang pertama di-dapati dalam permainan separoh pertama oleh sayap threequarter Brunei, Awangku Hassan bin Pengiran Md. Yassin.

Tendangan gol yang di-ambil oleh Dick Joynt tidak berjaya.

Dalam separoh akhir pasokan Sekolah Pertukangan itu telah bermain dengan lebeh chergas lagi tetapi tidak berjaya menembuskan pertahanan Bandar Brunei.

Sa-lepas satu scrum di-adakan Bandar Brunei berjaya lagi mendapat saty try melalui D. Harrel, tetapi sa-kali lagi Dick Joynt tidak berjaya menendangkan bola itu ka-dalam pintu gol.

Pertandingan itu telah di-referikan oleh Tuan Williamson.

Sharat2 menjadi ahli majlis meshuarat

(Dari Muka 4)

(a) Sa-orang daripada ahli2 itu di-lantek menjadi Pemangku Raja;

(b) Kewajipan ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) bagi Majlis Meshuarat Kerajaan ada-lah di-tunai-kan oleh kurang dari tujuh orang;

(c) Sa-orang ahli yang bukan rasmi tidak boleh menduduki kerusi dalam Majlis Meshuarat Kerajaan oleh kerana cheraian (4) bab 12;

(d) Sa-orang ahli tiada berhak lagi menduduki kerusi dalam Majlis Meshuarat Kerajaan kerana Sultan telah mengisytiharkan di-bawah cheraian (5) bab 10, bahawa dia tidak upaya melakukan pekerjaan-nya sa-bagai ahli;

(e) Sa-orang ahli tiada berhak lagi menduduki kerusi dalam Majlis Meshuarat Kerajaan kerana Sultan telah memberhentikan-nya sementara di-bawah cheraian (6) bab 12;

(f) Sa-orang ahli telah keluar daripada negeri dengan tiada izin Sultan pada tempoh yang terus menerus lebeh dari sa-bulan, maka boleh-lah Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan, melantek ahli sementara bagi masa kekosongan sa-demikian.

(2) Orang yang boleh di-lantek menjadi ahli sementara di-bawah cheraian (1) ia-lah seperti berikut:—

(a) Kalau kekurangan bilangan ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio), maka orang yang boleh di-lantek mengganti-nya sementara itu

mesti-lah orang yang memegang jawatan kerajaan;

(b) Kalau kekurangan bilangan ahli2 yang di-pilih dari Majlis Meshuarat Negeri, maka orang yang boleh di-lantek mengganti-nya sementara itu mesti-lah ahli yang di-pilih dalam Majlis Meshuarat Negeri;

(d) Kalau kekurangan ahli yang di-lantek dari Majlis Meshuarat Negeri, maka orang yang boleh di-lantek mengganti-nya sementara itu mesti-lah ahli yang di-lantek dari Majlis Meshuarat Negeri.

(3) Tiap2 orang yang di-lantek-demikian sa-lagi lantekan-nya itu ada, ada-lah di-sifatkan sa-bagai ahli dalam Majlis Meshuarat Kerajaan dan terta'alok kepada bab ini, sharat2 dalam bab 12 ada-lah terpakai pada-nya.

(4) Latekan sementara akan terhenti kuat kuasa-nya apabila jurutulis majlis telah memberi tahu kepada ahli sementara itu bahawa lantekan-nya itu telah di-mansohkan atau apabila sa-saorang telah di-lantek tetap memenohi kekosongan itu, atau jika kekosongan itu tiada lagi.

14. Jika Sultan atau sa-siapa yang mengerusi meshuarat berkehendakkan nasihat daripada sa-siapa mengenai hal ahwal kerajaan, maka boleh-lah dia menitah atau menyuruh orang itu menghadhiri Majlis Meshuarat Kerajaan kerana maksud tersebut.

15. (1) Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan, sa-lain dari Pesuruhjaya Tinggi, akan mempunyai ketinggian

pangkat dan keutamaan dalam majlis itu sa-bagaimana yang di-titahkan oleh Sultan dengan pemashhoran, dan jika tiada titah baginda seperti berikut:—

Pertama, ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) menurut susunan mereka yang tersebut dalam fasal (a) cheraian (1) bab 11;

Kedua, ahli2 yang bukan rasmi, menurut tarikh surat perintah yang melantek-nya, atau jika mereka di-lantek pada hari yang sama, menurut sa-bagaimana titah Sultan;

Ketiga, ahli2 sementara menurut sa-bagaimana titah Sultan.

(2) Jika ada Jemaah Pemangku Raja, maka Pemangku Raja akan mendapat keutamaan atas ahli2 rasmi kerana jawatan dan akan mempunyai segala keutamaan dan ketinggian pangkat di-antara mereka sama sendiri sabagaimana yang di-tetapkan oleh pemashhoran mengangkat Raja dar melantek Pemangku Raja, 1959 atau pun oleh mana2 pemashhoran di-bawah-nya, dan jika tiada ketetapan demikian, menurut tertib sa-bagaimana mereka di-lantek.

(3) Apa bila sa-saorang di-lantek sa-mula menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan bagi memenohi kekosongan yang di-sebabkan oleh tamat tempoh jawatan-nya sendiri, masa di-antara ketamatan dan lantekan sa-mula itu akan bagi maksud bab ini, di-kira bagi menghitong lama-nya orang tersebut itu telah menjadi ahli majlis.

(Bersambong)

Sharat2 pembentokan satu rupa bangsa

SINGAPURA — Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew telah berkata bahawa "perasaan tertolak kapada satu keadaan dan satu kumpulan ada-lah perkara yang "mesti" di dalam tugas membentok satu rupa bangsa".

Beliau telah berucap di-hadapan pendudok2 Singapura selepas mengenalkan kapada mereka Yang Di-Pertuan Negara baharu peranakan Malaya, Inche' Yusof bin Ishak.

Tuan Lee telah berucap berturut2 dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin kapada khalayak yang berbagai2 bangsa itu dengan meminta kapada mereka supaya mensipatkan Yang Di-Pertuan Negara mereka yang baharu itu sa-bagai lembang perpaduan untong nasib mereka bagi masa akan datang.

Kata Tuan Lee, "Dalam pilehan raya yang lepas, dari jumlah 600,000 orang pengundi chuma lebeh kurang 270,000 orang sahaja ia-itu kurang dari separoh ada-lah di-lahir dan di-besarkan di-Singapura. Perasaan tertolak kapada satu keadaan dan kumpulan ada-lah satu perkara yang 'mesti' di-dalam tugas kita membentok satu rupa bangsa."

Tuan Lee telah memberi tahu khalayak itu bahawa masa "topi jambol yang menjadi chogan penjajah British lebeh dari 100 tahun" telah habis tempoh-nya.

Sa-bagai ganti-nya ia-lah sa-orang peranakan Malaya dari ra'ayat jelata yang dengan-nya menyandang jawatan ada-lah sapatak lagi kemajuan dalam tarawikh kita yang sengkak ini.

Kemudian Inche' Yusof pula tampil ka-hadapan dan berucap berturut2 dalam bahasa Melayu dan Inggeris: "Dari sekarang

Singapura akan menentukan nasib-nya sendiri bagi masa yang akan datang."

Sa-belum itu, di-sabelah pagi, Inche' Yusof bin Ishak bekas

Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam Singapura telah mengangkat sumpah di-satu istiadat yang memakan masa selama 8 minit untuk menjadi Ketua Negara yang di-lantek oleh Baginda Queen bagi Negara Singapura yang berpemerintahan sendiri.

Inche' Yusof mengangkat sumpah dengan berpakaian Melayu dari kain tenunan tangan yang di-perbuat dari sutera, dihadapan ahli2 Majlis meshuarat dan wakil2 negara asing.

PEKEDAI2 CHINA YANG ENKGAR DI-TANGKAP DI-INDONESIA

JAKARTA. — Pihak yang berkuasa tentera Indonesia telah mengumumkan pada minggu lepas bahawa penangkapan2 di-seluruh negeri sedang di-lakukan ka-atas pekedai2 China di-Jawa Barat yang di-katakan telah engkar berpindah dari kampung2 di-jajahan itu.

Mereka telah di-perintahkan supaya berpindah dari kampung2 untuk "langkah2 keselamatan" oleh satu perintah tentera tempatan yang berikutan dengan satu perintah kerajaan pusat kapada semua orang yang mempunyai paspot2 China Komunis supaya menutup perniagaan2 mereka pada hujung tahun.

Perhubungan di-antara Indonesia dengan China Komunis ada-lah sa-makin meruncing di-sebabkan tindakan Indonesia memerintah semua pedagang2 bangsa asing di-daerah2 luar bandar supaya menutup perniagaan2 mereka dan pindah ka-kawasan2 yang tertentu.

Kabanyakan pekedai2 di-daerah2 luar bandar di-Indonesia ia-lah orang2 China.

Penangkapan yang di-umumkan pada minggu lepas termasuklah ketua2 172 keluarga China yang telah engkar kapada perintah itu di-Jajahan Tjiamis.

Dua orang ra'ayat China yang

lain telah di-tangkap jua kerana menghalang gerakan pemin-dahan itu.

Orang2 yang di-tangkap itu telah di-bawa ka-khemah2 tahanan tetapi keluarga2 mereka telah di-benarkan balek sementara ka-kampung2 mereka untuk menunggu satu kenyataan.

Borneo Utara tuduh Filipina menchoroboh perayeran-nya

JESSELTON—Kerajaan Borneo Utara telah membantah bahawa kapal2 angkatan laut Filipina telah melanggar undang2 antara bangsa dengan memasuki kawasan perayeran Borneo Utara mengikut satu maalamat yang di-terbitkan oleh Setiausaha Pertahanan Negeri Filipina.

Tuan Alejo Santos Setia Usaha Pertahanan yang dalam perjalan-nya ka-Manila telah singgah di-Jesselton dan berkata bahawa kerajaan Borneo Utara telah mengadu bahawa kapal2 angkatan laut Filipina dalam menjalankan tugas mereka mengejar perahu2 penyaludup2 telah masuk ka-kawasan perayeran Borneo dengan tiada mendapat kebenaran yang tertentu dari kerajaan Borneo Utara.

Tuan Santos berkata bahawa beliau telah memberi akuan kapada kerajaan Borneo yang kerajaan Filipina akan menghormati kawasan perayeran Borneo dan kemasokan kapal2 angkatan laut Filipina ka-kawasan perayeran ini akan di-berhentikan.

Dalam rundingan antara tuan Santos dengan pegawai2 kerajaan Borneo Utara, satu persetujuan telah tercapai oleh kedua2

RUNDINGAN IKE DAN NEHRU

NEW DELHI. — President Eisenhower telah mengadakan satu pertemuan dengan Tuan Nehru Perdana Menteri India pada minggu lepas ia-itu satu daripada beberapa perbincangan2 yang di-adakan di-dalam masa lawatan Tuan Eisenhower ka-India selama lima hari.

Pertemuan itu telah di-adakan di-Istana President India, Tuan Rajendra Prasad.

Rundingan2 itu tiada mempunyai perkara2 yang telah di-tetapkan tetapi ada-lah di-jangka termasuk perkara perselisihan sempadan di-antara India dan China dan juga perkara perlucutan senjata dan perundingan2 kemunchak di-antara kuasa2 besar.

Kunjungan Tuan Eisenhower itu telah di-mulakan-nya dengan meletakkan satu perkalongan bunga empat kaki tinggi-nya dan mengandungi 500 kuntum bunga ros di-tugu kenangan Mahatma Gandhi dan kemudian-nya melawat President Prasad.

President Eisenhower telah memberi tahu ahli2 dewan meshuarat India yang bersidang bersama2 hari itu bahawa "perlucutan senjata ada-lah perkara yang sa-mesti-nya di-lakukan di-zaman kita."

pehak untuk bertukar2 ma'alumat atas lanun2 yang berada di-kawasan perayeran di-antara kedua2 buah negeri itu.

Pegawai2 kerajaan Borneo juga bersetuju hendak memberi ma'alumat kapada Kerajaan Filipina berkenaan wang palsu Filipina yang di-katakan telah di-bawa masuk ka-pulauan Filipina melalui pelabohan2 Borneo.

Tuan Santos berkata bahawa pegawai2 Borneo Utara telah menyambut baik ranchangan hendak menyeru kapada Jabatan Luar Negeri Filipina supaya menempatkan sa-orang wakil Filipina di-Borneo Utara sama ada di-Sandakan atau di-Jesselton, untuk menjaga kepentingan lebeh kurang 9,000 orang ra'ayat Filipina yang tinggal di-Borneo.

Peratoran tetap

KUALA LUMPUR. — Dewan Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu di-sini telah meluluskan Peratoran meshuarat yang melarang perkataan2 menderhaka, menghasut dan lain2 perkataan yang boleh menimbulkan perasaan benchi dan permusohan di-antara berbagai2 kaum di-gunakan dalam dewan meshuarat.

EJAAN MELAYU DAN INDONESIA AKAN SAMA TA' LAMA LAGI

KUALA LUMPUR.—Malaya dan Indonesia akan mempunyai satu sistem ejaan yang sama tidak lama lagi. Keputusan ini di-ambil sa-telah di-adakan satu rundingan di-Jakarta antara pakar2 ejaan bahasa Melayu dari Malaya dengan pakar2 ejaan bahasa Indonesia.

Kedua2 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Indonesia akan serentak mengumumkan waktu untuk melaksanakan sistem ejaan baharu itu.

Ketua jawatan kuasa ejaan bersama Malaya-Indonesia, Tuan Syed Nasir bin Ismail berkata: "Jawatan kuasa itu telah sa-pakat untuk mengadakan satu sistem ejaan Rumi yang sama.

"Di-masa yang lalu kebudayaan bangsa Melayu dan bangsa Indonesia yang asal-nya sa-rumpun telah terpisah oleh sejarah."

Tuan Syed Nasir berkata lagi bahawa persetujuan penoh yang di-chapai oleh jawatan kuasa itu tentang satu sistem ejaan ia-lah langkah pertama untuk memperhubung kembali pertalian yang telah putus oleh dasar penjajah.

Ahli2 jawatan kuasa ejaan Persekutuan Tanah Melayu itu terdiri dari tujuh orang dengan Dr. Haji Zainal Abidin bin Ahmad (Za'aba) bekas pengetua pengajian bahasa Melayu di-Universiti of Malaya menjadi penasihat-nya.